



KOMPONEN MAKNA LEKSIKAL DALAM BAHASA MELAYU DIALEK UTARA

Oleh

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2024

FBMK 2024 47

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah

KOMPONEN MAKNA LEKSIKAL DALAM BAHASA MELAYU DIALEK UTARA

Oleh

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

Jun 2024

Pengerusi : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pentakrifan makna leksikal dialek menimbulkan masalah kepada pengguna kerana berlaku kekeliruan akibat kesan ketaksaan makna, kelingkaran makna dan pertumpangtindihan makna dalam mentafsir sesuatu entri atau subentri dan frasa termasuklah Dialek Utara (DU). Objektif kajian untuk mengenal pasti entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4), menganalisis entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4 dengan menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975) dan menilai pentakrifan makna baharu berdasarkan persamaan atau perbezaan fungsi entri DU dalam KD4. Sebanyak sepuluh entri DU dalam KD4 dipilih sebagai data kajian, iaitu *bertokoh*, *menabuh*, *tik*, *tera*, *pekin*, *pelau*, *menghadi*, *tengin*, *tangu*, dan *lempi*. Metodologi kajian adalah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini melibatkan 30 orang responden dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bandar Baru Selayang, Selangor melalui kaedah temu bual. Hasil dapatan menunjukkan terdapat temuan pentakrifan makna baharu dari data lapangan yang ditemu bual dengan penutur jati DU. Justeru, kajian ini diharapkan

dapat menambah bahan rujukan kepada para ilmuwan tentang bidang kajian penelitian komponen makna leksikal dalam dialek, khususnya DU.

Kata Kunci: Pentakrifan, Makna Leksikal, Dialek Utara, Teori Analisis Komponen Makna, Kamus Dewan Edisi Keempat

SDG: MATLAMAT 4: Pendidikan Berkualiti



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**LEXICAL MEANING COMPONENTS IN THE NORTHERN DIALECT
MALAY LANGUAGE**

By

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

June 2024

Chairman : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The definition of the lexical meaning of dialects creates problems for users because of confusion because of the dexterity of meaning, the circularity of meaning and the understanding of meaning in interpreting an entry or sub-entries and phrases including the Northern Dialect (DU). The objective of the study is to identify DU entries that have an ambiguous meaning based on the definition in the Kamus Dewan Fourth Edition (KD4), analyze DU entries that have an ambiguous meaning based on the definition in KD4 by using the Meaning Component Analysis Theory (1975) and evaluate the definition of the new meaning based on similarities or functional difference of DU entry in KD4. A total of ten DU entries in KD4 were selected as research data, namely bertokoh, menabuh, tik, tera, pekin, pelau, menhadi, tengin, tangu, and lempi. Methodological studies are literature studies and field studies. This study involved 30 respondents from the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) at Bandar Baru Selayang, Selangor through interviews. The findings show that there are new definitions of meaning found from the field data interviewed with

DU native speakers. Thus, this study is expected to be able to add reference material to scientists about the research field of lexical meaning components in dialects, especially DU.

Keywords: Definition, Lexical Meaning, Northern Dialect, Component Analysis Theory of Meaning, Fourth Edition Chamber Dictionary

SDG: GOAL 4: Quality Education



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang
Ucapan kesyukuran saya titipkan ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya saya telah berjaya menyempurnakan tesis yang berjudul "Komponen Makna Leksikal Dalam Bahasa Melayu Dialek Utara".

Penghargaan dan ucapan terima kasih terlebih dahulu saya tujukan kepada pengerusi jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar ketika saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz dan Dr. Salina binti Husain. Ucapan terima kasih juga saya titipkan kepada ibu Rohaya binti Mohd Noor yang tidak putus mendoakan kesejahteraan diri ini serta tidak jemu memberi kata semangat dan juga isteri Nazurah binti Muhammad Shauqi yang tidak lekang memberi motivasi ketika diri ini kebimbangan.

Akhir kata, segala yang baik dan terpuji itu hanya datang dari-Nya.

Zul Hanis bin Yop Othman

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut:

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

Salina binti Husain, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 7 November 2024

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
ISI KANDUNGAN	x
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	8
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Persoalan Kajian	12
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Batasan Kajian	16
1.7	Definisi Operasional	18
1.8	Kesimpulan	22
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	23
2.2	Kajian Tentang Leksikal	23
2.3	Kajian Tentang Leksikografi	48
2.4	Kajian Tentang Dialek Utara	67
2.5	Kajian Tentang Teori Analisis Komponen Makna (1975)	84
2.6	Perkaitan Antara Sorotan Kajian Dengan Kajian Ini	106
2.7	Kesimpulan	115
3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	117
3.2	Reka Bentuk Kajian	117
3.3	Kerangka Teori	118
3.4	Rajah Kerangka Konseptual	123
3.5	Kaedah Kajian	124
3.6	Lokasi Kajian	127
3.7	Populasi Dan Persampelan Kajian	128
3.8	Alat Kajian	129
3.9	Tatacara Kajian	130
3.10	Penganalisan Data	131
3.11	Kesimpulan	133
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	134
4.2	Penganalisan Data	135

4.2.1	Entri DU <i>Bertokoh</i>	136
4.2.1.1	Pentakrifan Entri <i>Bertokoh</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	136
4.2.1.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Bertokoh</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	139
4.2.1.3	Pentakrifan Baharu Makna Entri DU <i>Bertokoh</i>	143
4.2.2	Entri DU <i>Menabuh</i>	146
4.2.2.1	Pentakrifan Entri <i>Menabuh</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	146
4.2.2.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Menabuh</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	150
4.2.2.3	Pentakrifan Entri <i>Menabuh</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	154
4.2.3	Entri DU <i>Tik</i>	156
4.2.3.1	Pentakrifan Entri <i>Tik</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	156
4.2.3.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Tik</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	159
4.2.3.3	Pentakrifan Entri <i>Tik</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	162
4.2.4	Entri DU <i>Tera</i>	163
4.2.4.1	Pentakrifan Entri <i>Tera</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	163
4.2.4.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Tera</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	169
4.2.4.3	Pentakrifan Entri <i>Tera</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	172
4.2.5	Entri DU <i>Pekin</i>	173
4.2.5.1	Pentakrifan Entri <i>Pekin</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	174
4.2.5.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Pekin</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	177
4.2.5.3	Pentakrifan Entri <i>Pekin</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	180
4.2.6	Entri DU <i>Pelau</i>	181
4.2.6.1	Pentakrifan Entri <i>Pelau</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	181
4.2.6.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Pelau</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	186

	Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	
4.2.6.3	Pentakrifan Entri <i>Pelau</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	188
4.2.7	Entri DU <i>Menghadi</i>	190
4.2.7.1	Pentakrifan Entri <i>Menghadi</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	190
4.2.7.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Menghadi</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	193
4.2.7.3	Pentakrifan Entri <i>Menghadi</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	195
4.2.8	Entri DU <i>Tengin</i>	197
4.2.8.1	Pentakrifan Entri <i>Tengin</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	197
4.2.8.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Tengin</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	200
4.2.8.3	Pentakrifan Entri <i>Tengin</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	203
4.2.9	Entri DU <i>Tangu</i>	205
4.2.9.1	Pentakrifan Entri <i>Tangu</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	205
4.2.9.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Tangu</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	208
4.2.9.3	Pentakrifan Entri <i>Tangu</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	211
4.2.10	Entri DU <i>Lempi</i>	212
4.2.10.1	Pentakrifan Entri <i>Lempi</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	212
4.2.10.2	Penelitian Makna Entri DU <i>Lempi</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim Berdasarkan Penerapan Teori Analisi Komponen Makna (1975)	217
4.2.10.3	Pentakrifan Entri <i>Lempi</i> dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim	220
4.3	Kesimpulan	221

5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	223
5.2	Entri DU Yang Mempunyai Kekaburan Makna Berdasarkan Pentakrifan Dalam KD4	223
5.3	Pentakrifan Makna Entri DU Berdasarkan Teori Analisis Komponen Makna (1975)	229
5.4	Penilaian Pentakrifan Baharu Entri DU Dalam KD4	230
5.5	Implikasi Kajian	235

5.6	Cadangan Penambahbaikan Dan Sumbangan	237
5.7	Kesimpulan	239
RUJUKAN		241
LAMPIRAN		257
BIODATA PELAJAR		274
SENARAI PENERBITAN		275



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Kerangka Teori	118
3.2	Peta FAMA Yang Menjadi Lokasi Kajian	127
4.1	Carta Makna Entri <i>Bertokoh</i>	138
4.2	Carta Makna Entri <i>Menabuh</i>	148
4.3	Carta Makna Entri <i>Tik</i>	158
4.4	Carta Makna Entri <i>Tera</i>	166
4.5	Carta Makna Entri <i>Pekin</i>	175
4.6	Carta Makna Entri <i>Pelau</i>	183
4.7	Carta Makna Entri <i>Menghadi</i>	191
4.8	Carta Makna Entri <i>Tengin</i>	198
4.9	Carta Makna Entri <i>Tangu</i>	207
4.10	Carta Makna Entri <i>Lempi</i>	215

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Jumlah Kata Dialek Utara Dalam KD4	16
3.1 Komponen Makna dan Fitur +/-/	120
3.2 Jumlah Kakitangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Ibu Pejabat Mengikut Negeri Asal Dari Utara	125
4.1 Entri DU dalam KD4 Yang Bermasalah Pentakrifan	135
4.2 Analisis Komponen Makna Entri <i>Bertokoh</i>	139
4.3 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Bertokoh</i>	144
4.4 Analisis Komponen Makna Entri <i>Menabuh</i>	150
4.5 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Menabuh</i>	154
4.6 Analisis Komponen Makna Entri <i>Tik</i>	159
4.7 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Tik</i>	162
4.8 Analisis Komponen Makna Entri <i>Tera</i>	169
4.9 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Tera</i>	172
4.10 Analisis Komponen Makna Entri <i>Pekin</i>	177
4.11 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Pekin</i>	180
4.12 Analisis Komponen Makna Entri <i>Pelau</i>	186
4.13 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Pelau</i>	188
4.14 Analisis Komponen Makna Entri <i>Menghadi</i>	193
4.15 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Menghadi</i>	195
4.16a Analisis Komponen Makna Entri <i>Tengin</i>	200
4.16b Analisis Komponen Makna Entri <i>Tengin</i>	201
4.17 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Tengin</i>	203
4.18 Analisis Komponen Makna Entri <i>Tangu</i>	208
4.19 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Tangu</i>	211
4.20 Analisis Komponen Makna Entri <i>Lempi</i>	217
4.21 Pentakrifan Penutur DU Bagi Entri <i>Lempi</i>	220

SENARAI SINGKATAN

DU	Dialek Utara
KD4	Kamus Dewan Edisi Keempat
cth	contoh
dll	dan lain-lain
Kl	Kelantan
Kd	Kedah
Pr	Perak
Pn	Pulau Pinang
Pl	Perlis
DK	Dialek Kelantan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustakan
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
sl	slanga
bp	bahasa percakapan
yg	yang
dsb	dan sebagainya
dr	dari
spt	seperti
dlm	dalam
dgn	dengan
utk	untuk

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa ialah lambang yang mempunyai unsur-unsur yang bermakna. Tata bahasa mengawal bahasa melalui peraturan atau undang-undang yang berkaitan dengan simbol seperti perkataan mengikut susunan huruf (Abdul Chaer, 2007). Sebagai contoh simbol yang mempunyai makna, bahasa adalah berkaitan dengan konsep pemikiran pengguna. Pemikiran dan konsep ini bertindak sebagai kandungan bahasa wahana pemikiran. Hal ini demikian kerana bahasa merupakan proses penyampaian konsep, pernyataan, dan komunikasi antara pendengar dan penutur. Dalam sistem komunikasi, bahasa diterangkan sebagai pengguna yang berbeza. Pertama, ia digunakan sebagai pernyataan, iaitu melalui penggambaran bentuk di dunia. Kedua, pengguna bahasa boleh dikenali sebagai bahasa deskriptif. Oleh itu, melalui ujaran deskriptif, makna dapat dinilai melalui semantik, iaitu melalui bahasa yang mudah difahami berdasarkan komponen makna dalam perkataan.

Bidang semantik merupakan cabang linguistik yang sangat penting. Ini kerana kajian bahasa tidak akan sempurna sekiranya mengandungi saranan makna kerana setiap perkataan mempunyai makna tersendiri yang mempunyai makna atau yang boleh membawa pelbagai makna. Misalnya dalam konteks semantik leksikal, didapati mempunyai kepelbagaian makna leksikal yang boleh dijelaskan melalui definisi yang mempunyai makna mengkaji makna perkataan mengikut acuannya yang boleh diberi perhatian melalui pancaindera atau makna yang mempunyai kebenaran sebenar dalam kehidupan. Ini bermakna perkataan yang diterangkan memberi hubungan dengan

makna yang terdapat dalam kamus. Justeru, bidang semantik bukan sahaja bidang yang mengkaji makna ujaran tetapi bidang ini juga mengkaji cara menghuraikan makna yang mempunyai hubungan linguistik yang berbeza seperti homonim, sinonim, antonim dan polisemi. Oleh itu, ia merupakan salah satu kajian tentang makna perkataan yang mana sesuatu perkataan itu mempunyai makna atau literal atau membawa maksud yang lebih besar seperti makna tersirat, bergantung kepada tafsiran seseorang terhadap perkataan tersebut.

Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa jenis makna yang boleh diperdebatkan seperti makna berkesan, makna konseptual, makna leksikal, makna kolokatif, makna denotatif, dan makna konotatif. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian yang mengkaji makna leksikal yang terdapat dalam sains semantik. Boleh diperdebatkan bahawa makna leksikal merangkumi makna bertulis, tersirat, umum atau makna kamus. Dalam sub-bidang linguistik, makna leksikal merujuk kepada kajian tentang apa-apa yang disampaikan atau dimaksudkan oleh perkataan dalam sesuatu bahasa. Begitu juga dalam kamus, terdapat makna leksikal tanpa melibatkan penggunaannya dalam ayat. Makna semantik leksikal dapat disampaikan dengan melihat hubungan antara unsur-unsur yang membentuk struktur makna sesuatu perkataan. Menurut Abdul Chaer (2007), makna leksikal ialah bentuk kata yang berasal daripada leksikon iaitu kosa kata dan kosa kata. Satu unit leksikon ialah leksem, iaitu unit bentuk bahasa yang bermakna. Struktur makna leksikal sesuatu perkataan dikenali sebagai sinonim, antonim, homonim, hipernim, homofon, homograf, hiponim, polisemi, meronim, pertindihan dan ketaksaan.

Makna leksikal ialah makna unsur-unsur bahasa (leksem) sebagai lambang benda, kejadian, objek dan sebagainya. Dengan kata lain, makna leksikal ialah perkataan yang

berasal daripada istilah leksikon yang bermaksud kosa kata. Unit leksikon ialah leksem yang merupakan bentuk bahasa yang bermakna (Ibrahim Ahmad, 1994). Makna leksikal bermaksud makna yang merupakan leksikon, makna yang sesuai dengan rujukannya, makna yang sesuai dengan pengamatan pancaindera atau makna sebenar (Adrienne Lehrer, 1992).

Makna leksikal ialah subbidang linguistik yang merujuk kepada kajian tentang apa yang ditunjukkan atau apa yang dimaksudkan dengan sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa. Oleh sebab itu, kamus merupakan rujukan penting bagi penutur sesuatu bahasa. Selain itu, penutur juga merupakan kamus mudah alih kerana penutur mengetahui ratusan makna untuk bahasa pertuturan. Pengetahuan penutur tentang makna membolehkan penutur menggunakan bahasa untuk menyatakan pendapat dan memahami ujaran yang didengar. Dalam semantik leksikal atau makna leksikal, makna sesuatu perkataan boleh diberikan dengan melihat hubungan antara unsur-unsur yang membentuk struktur makna sesuatu perkataan.

Makna leksikal biasanya dikaitkan dengan sesuatu perkataan sedangkan sesuatu perkataan itu bukan sahaja terdiri daripada perkataan, tetapi juga terdiri daripada beberapa perkataan. Contohnya, 'kambing hitam'. Maksud kambing hitam bukanlah gabungan makna kambing dan makna hitam, tetapi mempunyai makna tersendiri iaitu 'orang yang dipersalahkan'. Oleh itu, makna tidak dapat dikesan daripada makna setiap kata konstituen, maka perkataan 'kambing hitam' dikatakan mempunyai makna idiomatik atau lebih dikenali sebagai makna tatabahasa (Kushartanti et.al., 2005).

Sinonim ialah perkataan yang mempunyai makna yang sama, iaitu perkataan yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama. Contohnya, perkataan 'kuat' mempunyai maksud yang sama dengan kuat, teguh, bertenaga, tidak mudah rebah dan

sebagainya. Semua contoh perkataan ini adalah perkataan sinonim. Secara umum, sinonim dirujuk sebagai perkataan yang serupa, contohnya perkataan 'kereta' dan 'motokar', 'sejuk' dan 'sejuk', 'suka' dan 'suka', 'susah' dan 'kacau', 'lapse' dan 'lapse', 'lompat' dan 'lompat' dan sebagainya. Perkataan yang sinonim ia tidak mempunyai makna yang sama seratus peratus. Perbezaan makna ini dapat dilihat dari pelbagai konteks.

- i. Konteks yang tidak boleh ditukar ganti – Perkataan wanita dan perempuan adalah sinonim tetapi ungkapan Persatuan Wanita tidak boleh ditukar kepada Persatuan Perempuan.
- ii. Konteks formal dan tidak formal - Kata ganti nama diri orang pertama saya digunakan dalam suasana formal manakala perkataan aku digunakan dalam situasi tidak formal.
- iii. Konteks lapisan masyarakat - Kata ganti nama diri beta digunakan oleh raja dan kerabat, tetapi bagi rakyat biasa kata ganti nama diri yang digunakan untuk berhubung dengan golongan diraja ialah patik.
- iv. Konteks perbezaan penggunaan – Perkataan mati digunakan dalam konteks biasa manakala perkataan meninggal digunakan dalam konteks yang lebih sopan.

Tidak semua perkataan dalam bahasa Melayu mempunyai sinonim, contohnya perkataan padi dan batu. Namun begitu, terdapat perkataan yang sinonim dalam bentuk kata dasar, tetapi tidak sinonim dalam bentuk kata terbitan. Sebagai contoh, perkataan benar sinonim dengan benar-benar, tetapi kebenaran tidak sinonim dengan perkataan ikhlas. Terdapat juga perkataan yang tidak mempunyai sinonim dalam bentuk dasar tetapi mempunyai sinonim dalam bentuk terbitan. Sebagai contoh, perkataan tinggi tidak sinonim dengan perkataan tingkat, tetapi perkataan meningkatkan taraf hidup adalah sinonim dengan perkataan meningkatkan taraf hidup.

Terdapat juga perkataan yang menurut maksud asalnya tidak sinonim tetapi mempunyai sinonim apabila digunakan sebagai metafora. Sebagai contoh, perkataan

putih tidak sinonim dengan perkataan baik dalam erti kata sebenar, tetapi ia sinonim apabila perkataan putih digunakan sebagai metafora, seperti dalam ungkapan watak putih sama dengan watak baik. Sememangnya dalam kehidupan seharian kita sudah terbiasa dengan penggunaan sinonim di sekeliling kita. Contohnya, di kawasan zoo kita akan nampak papan tanda yang berbunyi 'Tolong jangan usik, ganggu atau ganggu haiwan di kawasan ini'. Di perpustakaan, terdapat perkataan yang berbunyi 'Dilarang membuat bising, bercakap dan bersembang'. Perkataan tersebut mempunyai maksud yang hampir sama. Walau bagaimanapun, tidak ada perkataan yang sinonim atau mempunyai makna yang sama. Dalam semantik, terdapat beberapa jenis sinonim iaitu sinonim pinjaman, sinonim konteks, laras sosial, dan kolokasi.

1.1.2 Sinonim Pinjaman

'Belalang' bermakna pematang dalam kebanyakan dialek Melayu. Walau bagaimanapun, dalam dialek Perak, 'belalang' bermakna 'cakcibau'. Dalam dialek Kedah, 'batas' ialah 'jalan raya', yang maksud konvensionalnya ialah 'timbunan tanah yang menjadi sempadan petak-petak sawah'.

1.1.3 Sinonim Konteks

Perkataan 'jemput' dan 'undang' banyak digunakan dalam konteks protokol. Sebenarnya, 'jemput' digunakan dalam konteks lisan, manakala 'undang' dalam konteks tulisan. Ini bermakna konteks mewujudkan perkataan yang sama makna.

1.1.4 Sinonim Laras Sosial

Perkataan-perkataan tersebut digunakan dengan berdasarkan status. Misalnya ‘penyanyi’ ialah orang yang ‘bernyanyi’, manakala ‘biduan’ bermaksud ‘status’ yang tinggi dalam profesionalisme seni.

1.1.5 Sinonim Kolokasi

Sinonim jenis ini wujud dalam konteks penggunaan yang tersendiri. Contohnya perkataan ‘banyak’ dan ‘ramai’ mempunyai makna yang sama. Contoh ayat, “Banyak kilang kekurangan tenaga pekerja mahir” dan “Ramai pelajar yang gembira setelah memperoleh pencapaian baik dalam peperiksaan tersebut.” “Perkataan ‘banyak’ boleh digunakan sama ada bagi ‘manusia’, ‘tumbuh- tumbuhan’, ‘haiwan’ dan ‘benda’ tetapi pastikan perkataan tersebut bermakna apabiladigunakan tanpa kata sifat. Jika anda menyebut “Banyak pelajar yang gembira setelah memperoleh pencapaian baik dalam peperiksaan tersebut” akan menunjukkan makna yang salah. Alasannya, ramai (untuk manusia sahaja) hanya bermakna jika ada katasifat (gembira) dalam ayat tersebut. Brooke (1973), telah mengungkapkan bahawa variasi yang terdapat dalam sesuatu bahasa diberi beberapa nama oleh ahli-ahli bahasa berdasarkan faktor-faktor yang tertentu seperti, variasi atau ragam bahasa mengikut penggunaan sebagai *register* atau laras dalam ilmu sociolinguistik. Menurut Brooke lagi variasi bahasa termasuklah dialek, slanga, diglosia dan idiolek. Dialek adalah elemen utama dalam proses membina perasaan kenegerian. Menurut Farid M. Onn dan Ajid Che Kob. (1993). pula, kata kunci dalam pengujaran dialek ini mempunyai ciri-ciri uniknya tersendiri, kerana mampu untuk menguatkan dan mengetengahkan identiti kelompok sosialnya.

Dialek atau loghat yang cukup unik tidak mustahil kian dilupakan atau pupus ditelan zaman ekoran perubahan gaya hidup masyarakat. Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, aktivis budaya, Rosli Osman, 70, berkata, dialek dan loghat adalah salah satu cabang bahasa dan bahasa itu sendiri bersifat dinamik iaitu berubah mengikut perubahan gaya hidup masyarakat. Katanya, perubahan dialek atau loghat sesuatu bahasa tersebut juga boleh disebabkan mutasi budaya masyarakat yang kadang-kala terikut-ikut budaya setempat. “Sebagai contoh, jika seseorang dari Perlis berhijrah ke negeri lain, kemungkinan berlaku asimilasi bahasa itu tinggi. Mungkin individu tersebut akan terikut-ikut atau meniru bahasa kelompok masyarakat lain, maka akan timbul dialek yang baharu.

Terdapat banyak kajian yang telah dilakukan berkaitan entri dialek dalam kamus. Antaranya Sapura Dalmi (2011) dengan kajian dialek Kuala Kangsar yang memfokuskan pembahagian kepada empat kategori kata, iaitu kata nama, kata ganti diri, kata kerja dan kata sifat. Hasil daripada kajian telah mengariskan beberapa persoalan, pertama tentang keupayaan dialek dijadikan entri dalam kamus dan kedua tentang pentakrifan makna asal dengan juga konteks penggunaan sebenar dalam bahasa harian supaya tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda.

Kajian yang melihat pentakrifan makna dialek dalam kamus ekabahasa kurang dititikberatkan. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menerbitkan kamus ekabahasa yang memasukkan kategori dialek negeri berdasarkan kepenggunaan perkataan mengikut tempat masing-masing.

Contohnya:

Entri Dialek Kelantan

Cakduh

KI tidak sempurna (perbuatan).

Takrifan responden:

Perbuatan yang tidak menitikberatkan, mementingkan atau ketidakpedulian terhadap kebersihan Ketika melakukan sesuatu kerja seperti memasak, mengemas dan sebagainya.

Berdasarkan contoh entri tersebut yang dipilih secara rawak untuk dijadikan contoh dengan menyertakan takrifan yang diperoleh daripada responden sebagai perbandingan. Pengkaji mendapati bahawa makna entri dialek yang diberikan dalam KD4 tidak menepati makna sebenar bagi Kawasan tersebut. Hal ini kerana tidak mempunyai satu system yang sesuai dan khusus yang dibangunkan untuk dijadikan bahan bagi menangani pentakrifan entri dialek sebenarnya. Oleh itu, berlakulah pentakrifan makna yang boleh diklasifikasikan sebagai kurang tepat, hamper tepat atau menyimpang jauh dari makna asal yang digunakan oleh penutur jati sesuatu dialek tersebut.

Hui Chin (1999) menyatakan bahawa kelemahan yang ada dalam penyusunan kamus ekabahasa oleh Salmah Jabbar (1991), khususnya tentang pentakrifan entri dialek, maka kajian ini akan mengisi kelompangan supaya lebih sistematik. Hal ini kerana takrifan sedia ada telah menyebabkan berlakunya kekeliruan terhadap pengguna kamus yang bukan dari penutur jati dan menimbulkan kesalahan dari aspek kepenggunaan.

1.2 Pernyataan Masalah

Kesukaran menjelaskan makna adalah menjadi punca berlakunya masalah kekaburan makna. Hussein Kareem Hasan (2023), berpendapat bahawa kesukaran untuk

mentakrifkan sesuatu perkataan tanpa menggunakan perkataan lain yang juga perlu ditakrifkan tidak menyelesaikan masalah. Hal ini demikian kerana, makna juga sukar untuk ditafsirkan jika ia merupakan perkataan yang mengandungi makna bukan literal. Dalam hal ini, tafsiran makna akan berubah bagi seseorang bergantung kepada keadaan tertentu dan keraguan sering timbul untuk menjelaskannya. Makna leksikal akan mengalami peluasan makna mengikut tempat dan latar kepenggunaannya. Setiap tafsiran yang diberikan oleh pengguna bahasa itu akan membezakan maksud leksikal tersebut kerana berlainan budaya dan politik kehidupan persekitarannya yang berubah mengikut peredaran. Veronica Diveica, et. al (2024), ada perkataan yang memperlihatkan pelbagai makna apabila konteks penggunaannya berubah-ubah.

Dalam kajian ini, pentakrifan makna leksikal dialek telah menimbulkan masalah kepada pengguna kerana berlaku ketidakjelasan makna leksikal dialek tersebut. Perkara ini timbul apabila sempadan makna yang tidak jelas dan fahaman terhadap leksikal adalah bergantung kepada konteks dan situasi penggunaannya (Zul Hanis Yop Othman dan Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Hal ini demikian kerana, makna yang dijelaskan dalam kamus didapati mempunyai makna yang berbeza dengan latar pengguna dialek tersebut. Perkara ini telah menyebabkan pengguna telah keliru dan kabur dengan maksud yang diterangkan dalam kamus itu. Sehubungan dengan itu, pengguna terpaksa mencari dan merujuk kepada leksikal ke leksikal yang lain tanpa mendapat penerangan khas berkaitan makna tersebut yang sepatutnya (Nor Saadah Mohd Salleh, 2015). Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti entri DU yang mempunyai masalah kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4.

Penerangan makna yang kurang jelas berhubung dengan makna leksikal yang digambarkan oleh penutur telah menyebabkan berlaku kelingkaran makna dan

pertumpangtindihan makna. Menurut Monaliza Sarbini et. al. (2019), kelingkaran ini telah berlaku akibat daripada kekaburan makna dalam mentafsir sesuatu entri/subentri dan frasa. Hal ini menyebabkan pengguna tidak dapat mentafsir makna leksikal seperti mana yang diterangkan dalam kamus. Perkara ini memerlukan sumber yang boleh membantu pengguna untuk menemui maklumat berkaitan leksikal itu dengan bertanya kepada sumber yang betul akan makna sebenar supaya tidak menimbulkan pertumpangtindihan makna. Menurut Hui Chin (1999), sumber seperti kamus menjadi sasaran utama kepada pengguna untuk merujuk makna yang sebarang bagi sesuatu kata yang ingin dirujuk. Tambahnya lagi, makna yang diterangkan perlulah tepat dan tidak mengelirukan supaya fahaman sebenar akan makna leksikal tersebut dapat difahami dengan jelas. Titik tolak daripada ini, kajian ini akan menganalisis entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4 menggunakan Teori Analisa Komponen Makna (1975).

Kajian Veronica Diveica et. al (2024) ini menjelaskan bahawa unsur maklumat persekitaran telah mengubah makna setiap leksikal kerana makna leksikal boleh berkait rapat dengan pengalaman sosial pengguna bahasa tersebut. Kajian ini telah membuka ruang kepada pengkaji untuk melihat sejauh mana entri dalam dialek Utara ini dipengaruhi makna yang disampaikan oleh penutur dialek tersebut. Perkara ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan oleh Yed-Vlasova (2024) menyatakan bahawa setiap unit leksikal bergantung kepada komunikasi penutur dengan melibatkan kehidupan budaya penutur berkenaan. Hal ini dibuktikan oleh Yed-Vlasova (2024) bahawa terdapat kesan ketara perubahan makna leksikal apabila diterjemahkan dari bahasa ke bahasa lain. Masalah pemahaman dalam pentakrifan kata berdasarkan pendekatan sinonim dengan memfokuskan dialek utara seperti dalam KD4 akan menjejaskan pahaman kepada pengguna bahasa. Meskipun pembaca menemui

padanan sinonim kata pada setiap kata tersebut, namun padanan makna masih tidak sepadan dari segi kepenggunaannya (Sapura Dalmi, 2011). Hal ini demikian kerana, setiap kata mempunyai nilainya yang tersendiri dan jika sepadan untuk disinonimkan semestinya padanan tersebut boleh saling diganti antara satu sama lain. Dalam KD4 telah tercatat entri yang dimasukkan makna yang bertindih dan tidak sepadan dengan situasi makna sebenar (Noresah, 2009). Kecacatan ini telah menyebabkan pengguna keliru dan kabur sehingga memerlukan sumber yang asli untuk mengetahui makna sebenar bagi kata tersebut. Era teknologi moden dengan arus pendigitan ini, dunia perkamusan juga telah mengalami pembaharuan dari segi masukkan maklumat sumber baharu yang berkaitan istilah yang digunakan selaras dengan perkembangan sosiobudaya kehidupan.

Oleh yang demikian, pengurusan perkamusan perlulah sentiasa mengemaskini aspek pemaknaan istilah serta sentiasa membuat penambahan istilah baharu. Jika sekiranya tiada penambahan maklumat dalam kamus yang menjadi sumber rujukan kepada pengguna bahasa, maka pengguna perlu mencari rujukan secara tabii. Dalam kajian ini, pengkaji akan merujuk sumber yang tepat iaitu penutur dialek utara bagi mendapatkan masalah makna entri DU bersinonim yang terdapat dalam KD4. Melalui penutur DU inilah pengkaji akan mendapatkan maklumat bagi entri DU yang diperlukan dan selanjutnya akan dianalisis data menggunakan teori. Maklumat makna ini akan berlaku perbezaan kerana setiap penutur telah mengalami perubahan kehidupan dari segi aspek kebudayaan, kepercayaan, teknologi dan politik kehidupan. Fungsi makna entri tersebut juga akan berubah dan mungkin berbeza makna yang diterangkan dalam KD4. Titik tolak daripada inilah pengkaji akan menilai semula pentakrifan makna baharu berdasarkan persamaan atau perbezaan fungsi entri DU dalam KD4.

Secara rumusannya, kajian mempunyai tiga objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengenal pasti entri DU yang mempunyai masalah kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4. Seterusnya, kajian akan menganalisis entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4 menggunakan Teori Analisi Komponen Makna (1975). Akhir sekali, kajian ini akan menilai pentakrifan makna baharu berdasarkan persamaan atau perbezaan fungsi entri DU dalam KD4.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji penelitian komponen makna leksikal dalam Bahasa Melayu dialek Utara dan secara khususnya mempunyai objektif yang berikut:

- 1.3.1 Mengenal pasti entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4.
- 1.3.2 Menganalisis entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4 menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975).
- 1.3.3 Menilai pentakrifan makna baharu berdasarkan persamaan atau perbezaan fungsi entri DU dalam KD4.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa persoalan kajian untuk mencapai objektif yang bertepatan berkaitan tajuk kajian ini. Antara persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Adakah wujud entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4?
- 1.4.2 Bagaimanakah kaedah menghuraikan entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4?

- 1.4.3 Bagaimanakah untuk menilai pentakrifan makna baharu berdasarkan persamaan atau perbezaan fungsi entri DU dalam KD4?

1.5 Kepentingan Kajian

1.5.1 Dewan Bahasa

Kajian ini telah menjadi rujukan pada kajian yang lebih mendalam berkaitan pentakrifan dialek yang lain dalam KD4 untuk menghasilkan takrifan makna yang lebih tepat, mudah difahami dan mesra pengguna. Banyak maklumat kosa kata baharu dalam dialek dapat dikumpul. Pengumpulan kosa kata ini dapat menjadi rujukan kepada pengkaji, ahli bahasa dan penyusun kamus kelak. Selain itu, kosa kata baharu ini dapat dimasukkan dalam KD4 yang boleh DBP lakukan pada masa akan datang.

1.5.2 Pelajar

Kajian ini juga telah menarik dan memupuk minat kepada pelajar untuk menerokai serta mendapat maklumat dalam sesebuah kamus. Penyumbangan kajian ini juga dapat menjadikan penghasilan kamus yang lebih mudah difahami serta mesra pengguna secara tidak langsung dapat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kamus ekahabasa sebelum ini dikatakan tidak memaparkan maklumat yang berkaitan kelas kata, sebutan dan contoh penggunaan kerana hanya sebahagian kata umum sahaja dimasukkan contoh penggunaan. Sedangkan perkara ini penting untuk membantu pengguna memahami makna sesuatu entri dengan lebih mendalam. Pentakrifan makna merupakan bahagian yang sangat penting dalam sebuah kamus (Ibrahim Ahmad, 2022).

1.5.3 Ahli Akademik

Kajian ini penting kerana dapat menyumbang kepada penambahbaikan bentuk pentakrifan entri DU dengan penerapan teori linguistik dengan menggunakan model pentakrifan baharu yang dapat menghasilkan kamus yang lebih tepat maknanya serta mudah difahami. Ahli leksikografi dapat menjadikan panduan kerana melalui pendekatan teoritis dapat menghasilkan satu sistem pentakrifan yang tuntas, mantap dan mudah difahami. Seterusnya kurang kajian sebegini dalam kalangan ahli akademik menjalankan kajian ini mendorong kajian ini dilakukan oleh pengkaji. Pada waktu yang sama, kajian ini dapat menjadi rujukan untuk melihat semula bagaimana sebutan yang digunakan oleh penutur DU yang sangat berbeza dalam DK4 dan secara tidak langsung akan mengubah makna sebenar sesuatu kosa kata. Secara keseluruhannya, kajian ini mampu memberi sumbangan yang besar dalam bidang bahasa, perkamusan, khususnya penyusunan kamus, penyelidik bahasa, ahli akademik, pelajar sekolah dan pengguna bahasa.

Penelitian kajian ini penting sebagai referensi dan pengembangan konsep bagi peneliti lain untuk melakukan penelitian lebih lanjut dalam analisis semantik leksikal dari konteks yang lain pula, sama ada yang bersifat teoritis ataupun praktis. Manfaat yang bersifat teoritis ini dapat mengembangkan penggunaan pendekatan analisis komponen makna dan memberikan sumbangan pemikiran, tambahan maklumat, dan bahan rujukan tentang sesuatu kajian untuk dilakukan dalam penelitian-penelitian lanjutan yang sejenisnya. Kajian leksikal seumpama ini banyak memberi manfaat dan kepentingan yang tersendiri kepada pembaca. Misalnya, kajian leksikal perkataan dalam dialek seumpama ini boleh menambahkan lagi perbendaharaan kata bagi penutur yang terdiri daripada golongan masyarakat bukan penutur dialek Utara.

Tajuk kajian ini dipilih atas beberapa sebab antaranya leksikal yang terkandung dalam sesuatu dialek bukan sahaja bertungsi terhadap maksud yang didukungnya tetapi juga boleh membawa fungsi yang lain, yang hanya dapat dilihat melalui penelitian yang mendalam. Oleh itu, apabila pengkaji memilih aspek semantik leksikal bererti kajian dilakukan terhadap makna kata yang terkandung leksikal secara asasi diperjelaskan dan difokuskan kepada frasanya yang terbentuk dari aspek kolokasinya pula. Tambahan pula dalam kajian semantik Ieksikal merupakan satu perkara penting dalam mengenal pasti ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah bentuk kata yang berkaitan dengan komponen-komponen maknanya.

1.5.4 Masyarakat

Sehubungan dengan itu juga, kajian ini turut memberi kepentingan dalam aspek linguistik. Keadaan ini jelas ditunjukkan melalui dapatan hasil kajian yang membincangkan secara terus berkenaan dengan bidang linguistik murni yang merangkumi aspek fonologi, morfologi, dan juga aspek semantik. Selain itu juga, bidang kajian ini juga turut membuka ruang untuk penambahan perbendaharaan bahasa baku. Di samping itu, tujuannya adalah bagi membolehkan penutur daripada negeri lain selain Utara akan dapat mempelajari dialek Utara dan dapat memahaminya dengan lebih baik kerana memberi input kepada para pembaca terutamanya dalam mengenali dialek-dialek bahasa, dan hal ini akan memberikan pengetahuan yang berguna. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini, iaitu berkenaan dengan “Komponen Makna Leksikal dalam Bahasa Melayu Dialek Utara” adalah penting dan mempunyai banyak manfaatnya baik dari segi akademik dan ilmiah.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini akan membataskan kepada komponen makna leksikal bahasa Melayu dalam DU. Penelitian leksikal DU ini diberi tumpuan kerana DU ialah dialek yang sering dikaji oleh ahli akademik khususnya dialek Kedah. Walau bagaimanapun, kajian menggabungkan empat buah negeri Utara masih belum dititikberatkan oleh pengkaji lepas. Justeru, kajian ini dipilih oleh pengkaji untuk menelaah bidang dialek dengan bersumberkan sorotan kajian pengkaji lepas. Sebagai permulaan, pengkaji telah merujuk data korpus Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) bahawa jumlah keseluruhan kata DU yang terkandung dalam KD4 adalah 1070 kata entri yang meliputi dialek Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis. Jumlah entri kata dialek dalam KD4 adalah seperti yang berikut:

Jadual 1.1: Jumlah Kata Dialek Utara dalam KD4

BIL.	KATA DIALEK	JUMLAH
1.	Kedah	600
2.	Pulau Pinang	110
3.	Perak	260
4.	Perlis	100
JUMLAH KESELURUHAN		1070

(Sumber: KD4:2005)

Kajian ini hanya meneliti sepuluh entri yang bermasalah pentakrifan sahaja dalam KD4. Pemilihan sepuluh entri ini kerana mempunyai masalah pentakrifan yang menggunakan pendekatan secara sinonim telah banyak menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Pentakrifan yang bertumpang tindih ini memerlukan pengguna merujuk mana dari satu entri kepada mana entri yang lain tetapi pengguna gagal mendapat jawapan terhadap mana-mana entri yang dirujuk. Sepuluh entri sahaja dipilih kerana kajian menggunakan analisis komponen makna yang mana memerlukan

analisis secara terperinci bagi setiap data. Analisis komponen makna yang dilakukan dapat menghasilkan makna yang lebih tepat. Analisis secara rinci sebagai contoh analisis yang dapat menghasilkan makna yang lebih tepat. Pemilihan ini berdasarkan kepada kesukaran memahami makna, dan kesalahfahaman yang wujud terhadap makna tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada tiga objektif iaitu mengenal pasti entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4, menganalisis entri DU yang mempunyai kekaburan makna berdasarkan pentakrifan dalam KD4 menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975), dan menilai pentakrifan makna baharu berdasarkan persamaan atau perbezaan fungsi entri DU dalam KD4.

Bahan yang menjadi sampel kajian ialah data entri DU yang terdapat dalam KD4 dengan memberi pengkhususan kepada takrifan yang kurang tepat yang biasanya berbentuk sinonim, mempunyai ketaksamaan makna dan sebagainya. Selain itu, data dari korpus DBP dan data kajian lapangan juga turut dijadikan sampel kajian. Data entri kamus ini dipilih sebagai sampel kajian kerana kesesuaiannya untuk dianalisis melalui bidang semantik. Teori Analisis Komponen Makna (1975) dari disiplin semantik telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data kajian lapangan daripada 30 orang responden yang terdiri daripada penutur asli dari Utara yang bertugas di FAMA. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan berkumpulan dengan menetapkan kriteria tertentu dalam kajian ini.

Menurut Frankel dan Wallen (1993), keseluruhan populasi merupakan sasaran *population*, iaitu populasi tersebut memiliki ciri-ciri responden yang diperlukan dalam sesuatu kajian. Antara ciri-ciri tersebut adalah pertama, pemilihan kesemua subjek

semestinya berupaya diselenggara bilangannya, mampu diperoleh atau *Accessible population* dan mampu dirumuskan serta tidak terhad kepada sampel dan terjamin. Kedua, saiz paling kecil bagi sesuatu ujian inferensi adalah 30 orang dan ini bersesuaian dengan instrumen dalam kajian ini sebanyak 30 orang. Hair et.al (2006, 2010), Frankel dan Wallen (2007) dan Pallant (2007) menyatakan bahawa sampel paling kecil jumlahnya bagi satu kumpulan untuk digunakan sebagai analisis multivariant adalah mencukupi seramai 20 orang dan Chua (2009) berpendapat, mencukupi 15 orang bagi sesuatu kumpulan. Manakala Gredlar (1996) berpendapat bahawa bilangan responden ditemu bual memadai antara tujuh (7) hingga 12 orang. Creswell et.al (2006) pula menyatakan bahawa bilangan antara empat (4) hingga sepuluh (10) orang merupakan jumlah yang bersesuaian untuk digunakan sample bagi kajian kualitatif. Oleh itu, pemilihan 30 orang responden adalah berpadam bagi menjawab persoalan kajian ini.

Kajian ini dilaksanakan di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Ibu Pejabat di Bandar Baru Selayang, Selangor sebagai lokasi kajian. Respondan yang terlibat adalah kakitangan FAMA yang berasal dari Negeri Utara iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak. Pengkaji memilih FAMA sebagai Lokasi kajian yang strategik kerana melihat dari pelbagai aspek iaitu aspek masa, sumber kewangan, faktor jumlah responden yang berasal dari negeri Utara, faktor kerjasama pihak pentadbiran lokasi kajian dan faktor jarak tempat tinggal dengan pengkaji. Dengan menimbang semua aspek ini pengkaji telah memilih FAMA sebagai tempat kajian.

1.7 Definisi Operasional

Bahagian ini menghuraikan beberapa definisi atau konsep yang digunakan dalam kajian ini agar kajian yang dilakukan lebih difahami, jelas dan lebih terarah. Definisi

atau konsep yang berkaitan berdasarkan kepada pendapat para sarjana dan bahanyang dirujuk. Antara konsep yang digunakan ialah seperti yang berikut:

1.7.1 Makna Leksikal

